

# Ke arah meningkatkan taraf seni silat kita

- 6 MAR 1977

Berita Minggu

Fokas

Oleh A. GHANI NASIR

SEBAGAI seni mempertahankan diri yang diwarisi oleh orang-orang Melayu, pencak silat memang telah lama berkembang maju dan menjadi sebahagian dari budaya dan kegiatan masyarakat kita.

Berbagai pertubuhan ditubuhkan samada khusus untuk mengajar pencak silat ataupun menjadikan kegiatan itu sebahagian dari kegiatan mereka.

Bagaimana pun, dalam tahun-tahun lima puluhan, enam puluhan dan awal tujuh puluhan pun lebih lima buah pertubuhan yang mengembang kan seni pertahanan diri ini bergiat secara berasingan.

Tidak adanya kesatuan dan panduan serta penyelarasan dalam kegiatan silat ini dapat dilihat jika kita membandingkan kemajuan dan kedudukan lain-lain seni pertahanan diri — judo, tae kwon-do karate dan lain-lain — di Republik ini dengan pencak silat.

## Ketinggalan

Sementara terdapat pertubuhan



● DUA orang pemuda ini merupakan pelatih-pelatih baru yang mengikuti kursus pencak silat anjuran Pasak di Dewan Kem-

Setiap pertubuhan itu bebas menjalankan kegiatan mereka dan semuanya mendaftarkan para ahli dan instraktor mereka dengan Macu.

Ini disebabkan setiap instraktor harus mendapatkan lesen dari Macu sebelum dibenarkan mengajar dan para ahli juga perlu membayar yuran tertentu kepada badan pengawal kebangsaan itu.

Sama seperti lain-lain jenis seni pertahanan diri, pencak silat juga mempunyai gredingnya sendiri.

Jurucakap bagi Pasak, salah sebuah pertubuhan silat yang aktif di sini, Encik Arif Zahari menerangkan bahawa para ahlinya dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut kemahiran dan kepintaran mereka.

Harapan